

## Abstrak

Kajian ini adalah berbentuk *Library research*. Tujuan utama adalah untuk melihat proses perjalapan politik mengikut kaca mata Islam dan juga menjelaskan beberapa kekeliruan umat Islam dalam isu politik.

Kajian ini juga cuba mengulaskan beberapa isu pokok seperti isu pengundian, pembinaan parti Islam, membina negara Islam, menyertai pilihan raya, berbilangan jemaah, bekerja dalam kerajaan bukan Islam, proses penurunan pemimpin melalui kaedah demokrasi dan lain-lain.

Kajian ini mengambil Said Hawwa sebagai asas kajian pemikiran, ini kerana penulis mendapati beliau adalah antara tokoh yang terlibat secara langsung dalam politik dan banyak menulis buku-buku yang berkaitan dengannya. Hal ini memudahkan penulis mendapat maklumat dan penyelesaian dalam isu-isu tersebut.

Istilah Jihad politik pula adalah penggunaan sulung olehnya. Said Hawwa menggunakan istilah ini dalam hampir semua siri buku-buku fikrah tulisannya. Namun begitu bukanlah bererti politik satu perkara yang baru tetapi ia adalah perkara yang telah difahami sejak zaman Nabi Muhammad (s.a.w) dan para ulama silam seperti al-Mawardi, Abu yu'la al-Farra', Imam al-Ghazali, Ibnu Taymiyyah dan lain-lain.

Selain itu, kajian ini mahu memperlihatkan bahawa keterlibatan seseorang dalam politik samada sebagai pentadbir, penasihat (pembangkang) dan rākyat biasa adalah termasuk dalam urusan kerja jihad yang akan diberi pahala oleh Allah (s.w.t).

Kajian ini juga membicarakan Negara Islam yang adil, negara Islam yang menyeleweng dan negara Kafir juga Jihad politik yang perlu dimainkan oleh umat Islam dalam negara-negara itu.

;